

Kajian kereta

BM 08 DEC 1991

kedua siap: PM

Oleh Azhar Abu Samah

GENTING HIGHLANDS: Daihatsu Motor Company of Japan, pengeluar kereta bersaiz mini dengan kuasa enjin 600cc hingga 700cc, sudah menyerahkan laporan akhir kepada kerajaan mengenai rancangan usatiasama mengeluarkan kereta kedua buatan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengesahkan perkara itu berkata syarikat berkenaan menyatakan bahawa projek itu boleh dijalankan sekiranya syarat-syarat tertentu dipenuhi.

"Laporan itu sedang dikaji oleh kerajaan, jadi saya tidak boleh memberitahu mengenainya sekarang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri seminar 'Ke Arah Masyarakat Maju dan Perindustrian: Memahami Konsep, Implikasi dan

Cabaran Wawasan 2020' di sini, semalam.

Di samping itu, katanya, kerajaan juga akan mengkaji hasrat syarikat pengeluar kereta Peugeot untuk mengeluarkan kereta berkuasa rendah secara usahasama.

Menurut Perdana Menteri, sebelum membuat sebarang persetujuan mengeluarkan kereta kedua buatan Malaysia, kerajaan harus memikirkan sama ada projek usahasama itu memanfaatkan atau tidak.

"Yang penting sekarang ialah menentukan sama ada projek itu menguntungkan atau tidak, atau kerajaan mungkin terpaksa memberi bantuan terlalu banyak.

"Projek ini tidak akan bermakna sekiranya kerajaan terpaksa memberi bantuan yang terlalu be-

sar untuk menjayakannya," katanya.

Daihatsu diberi tanggungjawab menjalankan kaitan Julai lalu sama ada Malaysia berupaya mengeluarkan kereta berkuasa 1000cc ke bawah manakala

Peugeot menyatakan keinginan yang sama kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, bulan lalu.

Perdana Menteri juga berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana wadai penjara yang didapati cuai ketika menjalankan tugas sehingga menyebabkan sembilan banduan melarikan diri dari Penjara Kajang, Ahad lalu.

Menurutnya, Kementerian Dalam Negeri akan turut membuat kajian sebab-sebab banduao di penjara berjaya lari.